

PERATURAN PEMARKAHAN MODUL MPSMPP 2020

Soalan	Butiran	Markah
1	<p>(a) Berdasarkan peta 1 namakan bandar di X Mohenjo Daro Y Harappa</p> <p style="text-align: right;">(2 x 1m)</p>	<p>1 1 [2 m]</p>
	<p>(b) Mengapakah bandar terancang mampu dibina dalam Tamadun Indus?</p> <p>F1 Kemajuan ilmu geometri dan pembinaan F2 Kemajuan kesenian dan matematik F3 Gabungan kepakaran dari sudut letak bandar mahupun sudut pengisian F4 Pertembungan dengan tamadun Mesopotamia dan Mesir Purba F5 Kepandaian penduduk F6 Pembuatan batu bata F7 Teknologi pembakaran batu bata dengan suhu tinggi F8 Sifat keterbukaan F9 Pertukaran teknologi</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]</p>
	<p>(c) Sejauhmanakah sikap keterbukaan mempengaruhi pembinaan bandar terancang?</p> <p>F1 Menjalin hubungan dengan negara lain F2 Bertukar pandangan/berkongsi idea F3 Pertukaran teknologi F4 Menerima pendapat/pandangan F5 Menerima pembaharuan F6 Menerima kritikan/teguran F7 Contoh bandar terancang Putrajaya (Mana-mana jawapan munasabah)</p> <p style="text-align: right;">(mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 1 1 1 1 1 [4 m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
2	(a) Nyatakan dua jenis mata wang yang digunakan di pelabuhan Melaka. F1 Mata wang timah F2 Mata wang dari Pasai, Hormuz dan Cambay (mana-mana 2 x 1m)	1 1 [2 m]
	(b) Jelaskan faktor kepesatan kegiatan perdagangan di Melaka pada kurun ke-15. F1 Kedudukan yang strategik H1a di tengah jalan perdagangan F2 Pentadbiran yang licin dan teratur agar aktiviti perdagangan berjalan lancar F3 Mewujudkan jawatan Laksamana bagi menjaga urusan kelautan F4 Jawatan syahbandar sebagai ketua pelabuhan F5 Undang-Undang Laut Melaka telah digubal H5a menjadi panduan kepada masyarakat khususnya berkaitan dengan tugas nakhoda, jurumudi dan sebagainya F6 Terdapat paling kurang 84 bahasa dipertuturkan di Melaka F7 Sistem timbang dan sukat telah diperkenalkan seperti tahil dan kati F8 Aktiviti perdagangan di pelabuhan menggunakan kaedah tukar barang dan kaedah jual beli (mana-mana 4 x 1m)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
	(c) Wajarkah sistem cukai dikenakan kepada rakyat untuk tujuan pembangunan negara? Beri alasan anda. F1 Wajar F2 Membina kemudahan untuk rakyat F3 Menambah pendapatan negara F4 kekayaan negara diagihkan sama rata F5 Tidak wajar F6 Membebaskan rakyat F7 Terdapat golongan rakyat yang kurang berkemampuan F8 Terutamanya rakyat yang berpendapatan rendah (Mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 4 x 1m)	1 1 1 1 1 1 1 [4 m]

Soalan	Butiran	Markah
3	(a) Namakan dua akhbar yang berpengaruh pada era tersebut. F1 Warta Malaya F2 Lembaga Malaya F3 Majlis F4 Utusan Melayu F5 Warta Negara F6 Fajar Sarawak (Mana-mana 2 X 1 m)	1 1 1 1 1 1 [2 m]
	(b) Jelaskan isu-isu sosial yang dibangkitkan dalam akhbar di 3 (a). F1 Memajukan pendidikan tinggi orang Melayu F2 Menggalakan pendidikan untuk anak-anak perempuan F3 Menyeru orang Melayu meninggalkan sikap negatif C3a seperti memilih kerja dan tidak mahu berusaha F4 Menggalakkan tabungan dalam kalangan orang melayu untuk pendidikan anak-anak F5 Mementingkan kemahiran tradisional orang Melayu C5a seperti pertukangan dan kerja tangan F6 Mementingkan pendidikan Bahasa Inggeris untuk kemajuan orang Melayu F7 Meminta taraf sekolah Melayu dibaiki dengan memberikan nilai ekonomi F8 Memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahsa rasmi dalam pentadbiran British F9 Menyeru orang Melayu supaya tidak meninggalkan Islam dan F10 mengekalkan nilai-nilai baik masyarakat Melayu (Mana-mana 4 X 1 m)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
	(c) Akhbar pada hari ini sedang mengalami zaman suram dan telah dianggap tidak lagi relevan. Bandingkan akhbar pada zaman kini dengan akhbar pada masa dahulu. Kini: F1 Akhbar pada masa kini berbentuk cetakan dan digital F2 Akhbar masa kini menggunakan medium internet untuk dicapai oleh para pembaca F3 Akhbar kini memuatkan pelbagai isu termasuklah isu dalam dan luar negara C3a Contoh akhbar pada hari ini ialah Utusan Online dan Berita Harian Online (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 2 x1m) Dahulu: F1 Akhbar dahulu hanya dalam bentuk cetakan F2 Akhbar masa lalu hanya boleh dibaca melalui cetakan sahaja F3 Akhbar dahulu banyak menumpukan kepada isu politik, ekonomi dan sosial dalam negara sahaja C3a Contoh akhbar dahulu ialah akhbar Warta Malaya dan Utusan Malaya (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 2 x 1m)	1 1 1 1 [2 m] 1 1 1 1 [2 m]

Soalan	Butiran	Markah
4	<p>(a) Apakah maksud yang terdapat pada lambang berikut: Lima bilah keris F1 Lima bilah keris pada perisai melambangkan Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu H1a Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu dan Johor (mana-mana 1 x 1m)</p> <p>(b) Di bawah Jata Negara tertera cogan kata "Bersekutu Bertambah Mutu". Bagaimanakah anda dapat mengaplikasikan cogan kata tersebut untuk memajukan negara? F1 Sentiasa menerapkan semangat kerjasama untuk memupuk F2 Kesepakatan dalam masyarakat berbilang kaum F3 Mengamalkan sikap tolah ansur untuk mengekalkan hidup bermasyarakat F4 Mengutamakan semangat bersatu padu supaya aman damai F5 Memupuk semangat permaufakatan/musyawahar F6 Menyumbang idea yang membantu ke arah kemajuan (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 2 x1m)</p> <p>(c) Bincangkan ciri-ciri masyarakat Malaysia yang dapat dibentuk melalui penghayatan lambang-lambang negara? F1 Rakyat yang dapat mentaati raja dan pemimpin negara F2 Rakyat yang sedia berkorban demi kepentingan negara F3 Rakyat yang menghormati dan mematuhi undang-undang F4 Rakyat yang mementingkan keamanan negara F5 Rakyat yang sentiasa memelihara nama baik negara (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 3 x 1m)</p> <p>(d) Generasi hari ini semakin kurang peka tentang lambang-lambang negara. Cadangkan cara-cara yang boleh dipupuk dalam kalangan pelajar untuk menghormati lambang-lambang tersebut. F1 Menyanyikan lagu Negaraku dengan penuh bersemangat F2 Mengibarkan bendera Jalur Gemilang F3 Mewujudkan sudut lambang-lambang negara dalam bilik darjah F4 Melukis mural lambang-lambnag negara di sekolah F5 Menganjurkan pertandingan menulis esei berkaitan lambang-lambang negara F6 Menganjurkan pertandingan nyanyian lagu Kebangsaan (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 4 x 1m)</p>	<p>1 1 [1 m]</p> <p>1 1 1 1 1 1 [2 m]</p> <p>1 1 1 1 1 [3 m]</p> <p>1 1 1 1 1 1 [4 m]</p>

--	--	--	--

Soalan	Butiran		Markah
5	(c)	<p>Aktiviti pertanian dapat memberikan sumbangan kepada kemajuan ekonomi negara. Buktikan pernyataan ini.</p> <p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjadi sumber pendapatan negara - Dengan mempelbagaikan hasil eksport negara - Sumber eksport hasil keluaran pertanian - Seperti getah, minyak kelapa sawit, nenas, durian, koko - Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk - Seperti pembukaan FELDA, FELCRA dan RISDA - Dengan ini dapat mengatasi masalah pengangguran - Negara tidak bergantung kepada import makanan dari luar - Hal ini dapat menyelamatkan pengaliran keluar wang negara <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Menjadi sumber pendapatan negara - Dengan mempelbagaikan hasil eksport negara - Seperti getah, minyak kelapa sawit, nenas, durian, koko - Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk - Seperti pembukaan FELDA, FELCRA dan RISDA - Dengan ini dapat mengatasi masalah pengangguran - Hal ini dapat menyelamatkan pengaliran keluar wang negara 	<p>[7-8m]</p> <p>[5-6m]</p>

Soalan	Butiran		Markah
5	(c)	<p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah dengan ringkas Contoh: - Menjadi sumber pendapatan negara - Dengan mempelbagaikan hasil eksport negara - Menyediakan peluang pekerjaan kepada penduduk - Negara tidak bergantung kepada import makanan dari luar</p> <p>Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan secara umum Contoh : - Sumber pendapatan negara - Menyediakan peluang pekerjaan</p>	<p>[3-4m]</p> <p>[1-2m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
6	(a)	
	<p>Bagaimanakah pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah?</p> <p>F1 Diasaskan pada tahun 750 M. selepas Revolusi Abbasiyah berjaya menumbangkan kerajaan Bani Umayyah</p> <p>F2 Gerakan ditaja oleh Ali bin Abdullah secara sulit</p> <p>F3 Semasa zaman Khalifah Umar Abdul Aziz gerakan ini dikendalikan secara terbuka</p> <p>F4 Meneruskan kempen atas nama Ahlul Bait (keluarga Nabi Muhammad s.a.w.) untuk mendapatkan sokongan</p> <p>F5 Menjadikan Khurasan, Kufah dan Humaimah sebagai pusat operasi</p> <p>F6 Gerakan ini diperkukuhkan dengan keanggotaan dua orang pahlawan besar</p> <p>F7 Abu Salamah al-Khallal yang mengetuai gerakan di Khufah dan Abu Muslim al- Khurasani yang menjadi ketua di Khurasan</p> <p>F8 Kerajaan Bani Abbasiyah mengambil sempena nama al- Abbas, iaitu nama bapa saudara Nabi Muhammad s.a.w.</p> <p>F9 Mengamalkan sistem warisan atau sistem monarki, iaitu sistem pemerintahan keturunan raja</p> <p>F10 Abu Jaafar al-Mansur memindahkan pusat pemerintahan dari Damsyik ke Baghdad</p> <p style="text-align: right;">(mana mana 6 x 1m)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[6 m]</p>
	(b)	
	<p>Jelaskan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam perkembangan ilmu pengetahuan.</p> <p>F1 Pusat intelektual</p> <p>H1a Zaman kegemilangan semasa pemerintahan Khalifah Harun al-Rashid dan puteranya al -Makmun</p> <p>H1b Kota Baghdad sebagai pusat intelektual dan penyebaran ilmu</p> <p>H1c Perkembangan keilmuan menerusi tulisan dan penterjemahan karya asing ke dalam bahasa Arab</p> <p>F2 Pembinaan baitulhikmah</p> <p>H2a Institusi keilmuan diasaskan oleh Khalifah Harun al-Rashid</p> <p>H2b Kegiatan menterjemahkan karya falsafah dan sains terutamanya daripada bahasa Yunani</p> <p>F3 Kegiatan penulisan mengikut tiga tahap</p> <p>H3a Pertama, mencatat idea atau percakapan</p> <p>H3b Kedua, mengumpul idea yang serupa atau mengumpulkan hadis Nabi Muhammad s.a.w. ke dalam sebuah buku</p> <p>H3c Ketiga, mengarang</p> <p>F4 Ulama terlibat dalam penulisan</p> <p>H4a Ulama mula menyusun hadis</p> <p>H4b Menghasilkan tulisan dalam bidang fiqah, tafsir, sejarah dan sebagainya</p> <p>H4c Imam Malik (penyusun buku al-Muwatta)</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

	H4d Ibn Ishaq (penyusun sejarah hidup Nabi Muhammad s.a.w.)	1
	H4e Abu Hanifah (penyusun fiqh dan pendapat ijtihad)	1
	H4f Imam Malik, Imam Syafi'i dan Imam Ahmad bin Hanbal	1

Soalan	Butiran	Markah
6	(b) H4g Terdapat pemisahan antara ilmu tafsir, ilmu sirah, dan ilmu hadis F5 Menterjemah karya H5a daripada bahasa Sanskrit, Suriani, dan Yunani H5b Orang Islam bukan sahaja menterjemah, malah mencipta dan membuat pembaharuan dalam karya yang diterjemahkan ke dalam bahasa Arab H5c Menghuraikan, menambah baik serta memuatkan keterangan dan ulasan dalam karya F6 Memelihara warisan ilmu daripada terkubur H6a Semasa Eropah dilanda Zaman Gelap H6b Pusat pengajian tinggi menjalankan penyelidikan H6c Hasil kajian sarjana Islam sampai ke Eropah H6d Sejumlah kajian diterjemahkan ke dalam bahasa asing H6e Membuka mata ilmuwan Eropah yang melahirkan Zaman Renaissance (zaman pemulihan budaya) (mana-mana 6 x 1m)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [6 m]
	(c) Huraikan keberkesanan sistem pendidikan moden dalam memperkukuh perpaduan dalam negara. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh : - Sistem pendidikan kebangsaan - Sukatan pelajaran yang sama untuk semua sekolah dan aliran - Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar di semua sekolah - Memainkan peranan sebagai bahasa kebangsaan - Penubuhan Sekolah Wawasan - Murid pelbagai kaum berkumpul di satu tempat yang sama - Menyuburkan/menyemarakkan semangat patriotisme dan perpaduan dalam kalangan rakyat pelbagai kaum - Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat melahirkan insan yang mencintai negara - Kegiatan kokurikulum seperti sukan - Sukan untuk perpaduan seperti SUKMA atau Temasya Sukan Sekolah - Jelas menunjukkan sistem pendidikan kebangsaan ini menyebabkan wujudnya perpaduan kaum di negara kita	[7-8m]

Soalan	Butiran	Markah
--------	---------	--------

6	<p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pendidikan kebangsaan - Sukatan pelajaran yang sama untuk semua sekolah dan aliran - Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar di semua sekolah - Memainkan peranan sebagai bahasa kebangsaan - Falsafah Pendidikan Kebangsaan bermatlamat melahirkan insan yang mencintai negara - Kegiatan kokurikulum seperti sukan - Sukan untuk perpaduan seperti SUKMA atau Temasya Sukan Sekolah - Jelas menunjukkan sistem pendidikan kebangsaan ini menyebabkan wujudnya perpaduan kaum di negara kita <p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah dengan ringkas Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pendidikan kebangsaan - Sukatan pelajaran yang sama untuk semua sekolah dan aliran - Bahasa Melayu ialah bahasa pengantar di semua sekolah - Memainkan peranan sebagai bahasa kebangsaan <p>Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan secara umum Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Sistem pendidikan kebangsaan - Sukatan pelajaran yang sama untuk semua sekolah dan aliran 	<p>[5-6m]</p> <p>[3-4m]</p> <p>[1-2m]</p>
---	---	--

Soalan	Butiran	Markah
--------	---------	--------

7	(a)	Terangkan sistem pemilikan tanah sebelum kedatangan British.	
		F1 Pemilikan tanah tidak menjadi persoalan utama	1
		H1a kerana tanah yang luas , kepadatan penduduk yang rendah	1
		H1b segala hal berkaitan tanah seperti kadar cukai dan aktiviti ekonomi mesti mendapat kebenaran pembesar Melayu terlebih dahulu	1
		H1c Kebenaran yang sama mesti diperoleh oleh mana-mana golongan yang mahu mengusahakan sesuatu bidang tanah	1
		F2 Tanah merupakan sumber ekonomi dan tunggak kuasa politik	1
		H2a serta mencerminkan kedudukan sosial pembesar Melayu	1
		F3 Menurut Undang-undang adat	1
		H3a sesebuah kawasan tanah akan menjadi milik seseorang yang meneroka dan mengerjakan tanah tersebut	1
		H3b Tanah boleh diwarisi oleh generasi terkemudian	1
		F3 British menganggap sistem pemilikan dan corak penggunaan tanah masyarakat Melayu tidak sesuai	1
		H3a kerana tiada rekod untuk dijadikan bukti pemilikan	1
		H3b Rekod bertulis penting bagi menjamin dan mengesahkan hak milik	1
		H3c Rekod dapat memudahkan urusan pentadbiran seperti urusan cukai dan urusanniaga tanah	1
		C3a seperti pajakan, sewa beli, penjualan dan pembelian (mana-mana 6 x 1m)	1 [6 m]
	(b)	Bincangkan kesan pengenalan undang-undang tanah oleh British kepada orang Melayu.	
		F1 Permohonan kebenaran mengusahakan tanah oleh individu atau syarikat	1
		H1a Perlu diperoleh daripada Pejabat Tanah / bukan dari pembesar Melayu	1
		H1b Kebenaran Pejabat Tanah juga diperlukan untuk mengutip hasil hutan	1
		C1a Seperti Nipah, damar dan rotan	1
		F2 Kuasa Residen Negeri amat besar	1
		H2a Menentukan jumlah kawasan konsesi tanah yang akan diberi kepada pemodal	1
		H2b Kelulusan tanah pula bergantung kepada modal, teknologi dan bilangan buruh yang digunakan	1
		F3 Perkembangan sistem ekonomi wang	1
		H3a Cukai, jual beli, sewa ke atas tanah perlu menggunakan wang	1
		H3b Orang Melayu perlu membayar cukai hasil hutan dengan menggunakan wang	1
		H3c Orang Melayu khususnya yang tinggal di luar bandar terpaksa bergantung pada orang tengah untuk meminjam wang	1
		H3d Melalui cara ini ramai orang Melayu terpaksa menjual tanah milik mereka untuk melangsaikan hutang	1

Soalan	Butiran	Markah	
7	F4 Akta Tanah Simpanan Melayu(TSM) diperkenalkan	1	
	H4a demi menjamin kelangsungan masa depan ekonomi, sosial dan politik orang Melayu di Tanah Melayu	1	
	H4b Akta ini bertujuan mengelakkan tanah milik orang Melayu berpindah kepada orang asing	1	
	H4c Residen berkuasa mengisytiharkan mana-mana kawasan tanah milik orang Melayu sebagai Tanah Simpanan Melayu	1	
	H4d Pengisytiharan ini akan menyelamatkan tanah tersebut daripada dijual, dipajakgadaikan atau ditukar milik kepada orang bukan Melayu	1	
	H4e Akta Tanah Simpanan Melayu sebenarnya melindungi kepentingan ekonomi penjajah	1	
	H4f kebanyakan kawasan Tanah Simpanan Melayu tidak subur	1	
	H4g Walaupun kawasannya besar tetapi tidak sesuai untuk ekonomi perladangan dan jika subur, keluasan kecil	1	
	F5 Land Order 1931	1	
	F6 Land Order Settlement 1933	1	
	H6a Memberi perlindungan kepada tanah milik pribumi	1	
	H6b Pemindahan hak milik tanah hanya melalui pewarisan	1	
	F7 Land Order 1948	1	
	H7a membahagikan tanah kepada tiga kawasan	1	
	H7b iaitu tanah campuran, tanah simpanan dan tanah pedalaman	1	
	F8 Proklamasi III Perlindungan Hak Peribumi di Sabah	1	
	H8a melindungi kepentingan peribumi	1	
	H8b menetapkan kepentingan tanah di bawah kuasa Pegawai Daerah	1	
	H8c urus niaga tanah dengan Eropah perlu dimaklumkan kepada ketua peribumi	1	
	H8d penduduk peribumi berhak mendapat ganti rugi terhadap tanah yang dijual kepada orang asing	1	
		(mana-mana 6 x 1m)	[6 m]
	(c)	<p>Cadangkan usaha yang boleh diambil dalam memperkukuhkan pemilikan tanah di Malaysia .</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas</p> <p>Bukti / contoh sangat sesuai</p> <p>Membuat inferens yang tepat</p> <p>Jawapan sangat mendalam / terperinci</p> <p>Komunikasi / pengolahan sangat menarik</p> <p>Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengisytiharkan peraturan tanah yang menjaga kepentingan hak milik rakyat - Seperti Akta Tanah Simpanan Melayu yang dibuat oleh British - Bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada kuasa asing - Menguatkuasakan peraturan kepada rakyat 	[7-8m]

Soalan	Butiran		Markah
7	(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Supaya tanah tidak dijual, dipajak gadai atau ditukar milik kepada bukan warganegara - Bagi melindungi kepentingan dan hak rakyat Malaysia - Kerajaan memperkenalkan peraturan baharu yang lebih ketat dan sesuai dengan keadaan semasa - Usaha ini adalah untuk memperkukuhkan pemilikan tanah di negara ini <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengisytiharkan peraturan tanah yang menjaga kepentingan hak milik rakyat - Seperti Akta Tanah Simpanan Melayu yang dibuat oleh British - Bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada kuasa asing - Supaya tanah tidak dijual, dipajak gadai atau ditukar milik kepada bukan warganegara - Kerajaan memperkenalkan peraturan baharu yang lebih ketat dan sesuai dengan keadaan semasa - Usaha ini adalah untuk memperkukuhkan pemilikan tanah di negara ini <p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah dengan ringkas Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengisytiharkan peraturan tanah yang menjaga kepentingan hak milik rakyat - Bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada kuasa asing - Supaya tanah tidak dijual, dipajak gadai atau ditukar milik kepada bukan warganegara - Kerajaan memperkenalkan peraturan baharu yang lebih ketat dan sesuai dengan keadaan semasa <p>Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan secara umum Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Mengisytiharkan peraturan tanah yang menjaga kepentingan hak milik rakyat - Bagi mengelakkan tanah milik Melayu berpindah kepada kuasa asing 	<p style="text-align: center;">[5-6m]</p> <p style="text-align: center;">[3-4m]</p> <p style="text-align: center;">[1-2m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
8	(a) Jelaskan maksud imperialisme. F1 Dasar sesebuah negara meluaskan pengaruh dan wilayahnya H1a Dengan menjajah negara lain F2 Untuk kepentingan tertentu F3 Penguasaan bertujuan untuk mendapatkan keuntungan dari segi politik dan ekonomi F4 Kegiatan yang dilakukan oleh negara kuat untuk mengeksploitasi negara lemah (mana-mana 4 x 1m)	1 1 1 1 1 [4 m]
	(b) Sejauhmanakah sistem pengangkutan dan perhubungan memainkan peranan dalam misi imperialisme Barat di Asia Tenggara? F1 Penggunaan kapal wap H1a Mempercepatkan perjalanan Timur-Barat H1b muatan barangan lebih banyak F2 Pembukaan Terusan Suez (1869) H2a Memendekkan jarak dan masa perjalanan ke Timur H2b Menjadikan perjalanan lebih selamat H2c Dapat menjimatkan kos F3 Penciptaan telegraf, era baru dalam sistem perhubungan H3a Memberi arahan kepada pegawai-pegawai di tanah jajahan H3b dengan lebih cepat dan berkesan H3c Ahli perniagaan Barat dapat berhubung dengan wakil-wakil mereka di Timur H3d Urusan perniagaan lebih mudah dan perdagangan antarabangsa lebih pesat (mana-mana 8 x 1m)	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [8 m]

Soalan	Butiran		Markah
8	(c)	<p>Slogan “Beban Orang Putih’ dan “Tugas Menyebarkan Tamadun” hanyalah muslihat imperialis Barat semata-mata. Nilai pernyataan ini. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Imperialisme Barat hanya untuk kepentingan mereka sahaja - Seperti mendapatkan bijih timah dari Tanah Melayu - Untuk kegunaan industri mengetin / Revolusi Perindustrian di Eropah - Kemudian memasarkan/menjual barangan siap / tin makanan ke negara Asia Tenggara - Imperialis Barat turut campur tangan dalam politik di Asia Tenggara - Memperkenalkan Sistem Birokrasi Barat - Seperti Sistem Residen di Tanah Melayu / Encomienda di Filipina - Hal ini jelas membuktikan bahawa tindakan ini adalah helah Barat semata-mata untuk melaksanakan imperialisme. <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Imperialisme Barat hanya untuk kepentingan mereka sahaja - Seperti mengambil bijih timah dari Tanah Melayu - Untuk kegunaan industri mengetin / Revolusi Perindustrian di Eropah - Kemudian memasarkan/menjual barangan siap / tin makanan ke negara Asia Tenggara - Imperialis Barat turut campur tangan dalam politik di Asia Tenggara - Hal ini jelas membuktikan bahawa tindakan ini adalah helah Barat semata-mata untuk melaksanakan imperialisme 	<p>[7-8m]</p> <p>[5-6m]</p>

Soalan	Butiran		Markah
8	(c)	<p data-bbox="378 262 1281 661"> Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah dengan ringkas Contoh : <ul style="list-style-type: none"> - Imperialisme Barat hanya untuk kepentingan mereka sahaja - Seperti mengambil bijih timah dari Tanah Melayu - Untuk kegunaan industri mengetin / Revolusi Perindustrian di Eropah - Kemudian memasarkan/menjual barangan siap / tin makanan ke negara Asia Tenggara </p> <p data-bbox="378 661 1281 1031"> Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan secara umum Contoh : <ul style="list-style-type: none"> - Imperialisme Barat hanya untuk kepentingan mereka sahaja - Untuk kegunaan industri mengetin / Revolusi Perindustrian di Eropah </p>	<p data-bbox="1281 262 1409 693">[3-4m]</p> <p data-bbox="1281 693 1409 1031">[1-2m]</p>

Soalan	Butiran		Markah
9	(a)	<p>Jelaskan usaha-usaha yang dilakukan oleh tokoh tersebut untuk menyatukan negara bangsa masing-masing.</p> <p>Jerman</p> <p>F1 Di Jerman, Otto Eduard Von Bismarck turut mengamalkan realpolitik dan politik darah dan besi untuk menyatukan negara Jerman pada tahun 1871</p> <p>F2 Bismarck menggunakan pelbagai teknik</p> <p>C2a Seperti tipu helah, pemalsuan dokumen, provokasi, penipuan dan ugutan untuk mencetuskan peperangan</p> <p>F3 Matlamat Bismarck adalah untuk menyatukan Jerman</p> <p>F4 Rakyat Jerman bersedia menerima sistem kediktatoran yang dianjurkan oleh Bismarck untuk menyatukan Jerman</p> <p>F5 Bismarck menggunakan isu membenci kuasa asing untuk memenangi</p> <p>F6 Membangkitkan semangat rakyat Prussia di medan tempur</p> <p>F7 Bismarck telah melancarkan tiga siri peperangan untuk menentang musuhnya</p> <p>C7a iaitu Denmark (1864), Austria (1866) dan Perancis (1870) (mana-mana 2X1m)</p> <p>Itali</p> <p>F8 Itali pada mulanya terbahagi kepada beberapa buah wilayah</p> <p>H8a Dibahagian utaranya, beberapa wilayah seperti Venetia dan Lombardy dikuasai oleh Austria</p> <p>F9 Orang Itali ingin menyatukan wilayah-wilayah mereka di bawah sebuah pemerintahan dengan menghalau keluar orang Austria dari bumi Itali</p> <p>F10 Count Camillo Benso di Cavour berusaha menyatukan Itali</p> <p>H10a sebagai sebuah negara dengan menggunakan amalan realpolitik</p> <p>H10b Count Camillo Benso di Cavour menyanjung penyatuan Itali</p> <p>H10c berlandaskan pemerintahan monarki</p> <p>H10d Beliau telah bekerjasama dengan Napoleon III (pemerintah Perancis) bagi menentang Austria pada tahun 1860</p> <p>F11 Hasil bantuan tentera Napoleon III, Itali berjaya mengalahkan Austria</p> <p>F12 Melalui satu pungutan suara yang diadakan Count Camillo Benso di Cavour memperoleh sokongan majoriti rakyat untuk menyatukan Itali</p> <p>F13 Pada tahun 1866, wilayah Venetia telah dipulangkan kepada Itali</p> <p>H13a Sebagai membalas jasa Itali, dalam membantu Prussia menewaskan Austria</p>	<p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>[2 m]</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p> <p>1</p>

Soalan	Butiran		Markah
9	(a)	F14 Pada tahun 1870, Perancis mengundurkan tenteranya dari Rom	1
		H14a Count Camillo Benso di Cavour mengambil peluang tersebut untuk menyatukan Rom dan Itali dan penyatuan ini membawa kepada pembentukan negara bangsa Itali. (mana-mana 2 x 1 m)	1 [2 m]
	(b)(i)	Prinsip Islam digunakan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam proses pembinaan negara Islam Madinah. Bincangkan.	
		F1 Menyusun perlembagaan terlebih dahulu sebelum mengasaskan kerajaan	1
		F2 Menyatukan penduduk berbilang kaum	1
		C2a iaitu Yahudi, orang Kristian dan orang Arab	1
		F3 Merangka Piagam Madinah	1
		F4 Menggunakan diplomasi/musyawahah/permuafakatan	1
		F5 Mewujudkan amalan kerjasama antara pemimpin dengan rakyat (mana-mana 4 x1m)	1 [4 m]
	(ii)	Pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah unik kerana tidak menggunakan amalan realpolitik. Nilaikan pernyataan tersebut.	
		F1 Pembinaan negara dan bangsa Malaysia adalah unik iaitu tidak menggunakan kekerasan dan pertumpahan darah	1
		F2 Dibentuk melalui kebijaksanaan pemimpin yang berpandangan jauh	1
		F3 Pendekatan yang sederhana dipilih bagi pembinaan negara dan bangsa	1
		F4 Para pemimpin telah menggunakan unsur rundingan, diplomasi dan permuafakatan	1
		F5 Pembinaan negara turut mendapat sokongan Raja-Raja Melayu	1
		F6 Para pemimpin mengadakan kerjasama politik antara pebagai parti	1
		F7 Pakatan Murni turut dibentuk	1
	F8 Mewujudkan tolak ansur pelbagai kaum di negara ini sehingga membawa kepada perpaduan	1	
	F9 Perpaduan kaum telah menjadi asas kemerdekaan (mana-mana jawapan munasabah) (mana-mana 4x1m)	1 [4 m]	

Soalan	Butiran		Markah
9	(c)	<p>Buktikan kejayaan yang dicapai hasil daripada pembinaan negara dan bangsa Malaysia.</p> <p>Aras 4</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Malaysia telah muncul sebagai negara yang berdaulat dan bebas dari penjajahan - Malah rakyat berbilang kaum hidup bersama dengan penuh harmoni - Malaysia turut maju dari aspek ekonomi - contohnya negara telah menghasilkan kereta nasional iaitu Syarikat Holdings Bhd (PROTON) dan Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (PERODUA) - Ekonomi terus berkembang apabila teknologi industri berat yang diusahakan oleh rakyat Malaysia sehingga membolehkan kereta nasional dieksport ke luar negara - seperti Australia, Singapura, United Kingdom - Malaysia juga melangkah maju ke era teknologi angkasa lepas apabila kita berjaya melancarkan dua satelit Malaysia Asia Timur iaitu MEASAT I dan MEASAT II - Hal ini membuktikan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia hasil daripada pembinaan negara dan bangsa <p>Aras 3</p> <p>Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik</p> <p>Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Malaysia telah muncul sebagai negara yang berdaulat dan bebas dari penjajahan - Malah rakyat berbilang kaum hidup bersama dengan penuh harmoni - Malaysia turut maju dari aspek ekonomi - contohnya negara telah menghasilkan kereta nasional iaitu Syarikat Holdings Bhd (PROTON) dan Syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn. Bhd (PERODUA) - Malaysia juga melangkah maju ke era teknologi angkasa lepas apabila kita berjaya melancarkan dua satelit Malaysia Asia Timur iaitu MEASAT I dan MEASAT II - Hal ini membuktikan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia hasil daripada pembinaan negara dan bangsa 	<p>[7-8m]</p> <p>[5-6m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
9	<p data-bbox="311 264 365 300">(c)</p> <p data-bbox="381 264 479 300">Aras 2</p> <p data-bbox="381 300 863 336">Pengetahuan dan pemahaman jelas</p> <p data-bbox="381 336 753 371">Jawapan kurang mendalam</p> <p data-bbox="381 371 842 407">Menyatakan hujah dengan ringkas</p> <p data-bbox="381 407 505 443">Contoh :</p> <ul data-bbox="430 443 1281 705" style="list-style-type: none">- Malaysia telah muncul sebagai negara yang berdaulat dan bebas dari penjajahan.- Malah rakyat berbilang kaum hidup bersama dengan penuh harmoni.- Malaysia turut maju dari aspek ekonomi- Ekonomi terus berkembang apabila teknologi industri berat yang diusahakan oleh rakyat Malaysia sehingga membolehkan kereta nasional diekspor ke luar negara <p data-bbox="381 739 479 774">Aras 1</p> <p data-bbox="381 774 935 810">Pengetahuan dan pemahaman yang jelas</p> <p data-bbox="381 810 695 846">Jawapan secara umum</p> <p data-bbox="381 846 505 882">Contoh :</p> <ul data-bbox="430 882 1281 1008" style="list-style-type: none">- Malaysia telah muncul sebagai negara yang berdaulat dan bebas dari penjajahan.- Malah rakyat berbilang kaum hidup bersama dengan penuh harmoni.	<p data-bbox="1299 264 1395 300">[3-4m]</p> <p data-bbox="1299 739 1395 774">[1-2m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
10	(a) Jelaskan langkah-langkah ke arah pakatan murni	
	F1 Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC)	1
	H1a Dianggotai oleh kaum Melayu dan Cina	1
	H1b Orang Melayu di bawah UMNO dipimpin oleh Dato' Onn bin Jaafar	1
	H1c Orang Cina di naungi Persatuan Cina Malaysia (MCA)/ dipimpin oleh Tan Cheng Lock	1
	H1d Ogos 1949, CLC dianggotai oleh 6 orang Melayu/ 6 orang Cina / 1 wakil dari India/ Sri Lanka/ Serani / Eropah.	1
	F2 Penubuhan Lembaga Pembangunan Industri Desa (RIDA)	1
	H2a Memajukan ekonomi/ pendidikan masyarakat luar bandar	1
	H2b Dato' Onn bin Jaafar sebagai pengerusi pertama	1
	H2c Kerakyatan kepada imigran mengikut syarat Kerakyatan Negeri 1951.	1
	H2d Mengadakan pilihanraya di peringkat perbandaran/ negeri/ Majlis Perundangan Persekutuan (MPP)	1
	F3 Dato Onn membuka keahlian UMNO kepada orang bukan Melayu	1
	H3a Ditentang / dikecam oleh masyarakat Melayu	1
	H3b Beliau telah meninggalkan UMNO	1
	F4 Penubuhan Parti Kemerdekaan Malaya (IMP) oleh Dato Onn Jaafar	1
	H4a Konsep kerjasama kaum dalam semua parti	1
	H4b Gagal mendapat sambutan daripada pelbagai kaum	1
	H4c Rasa perpaduan terlalu asing bagi mereka	1
	F5 Persidangan Kebangsaan oleh Sir Malcom MacDonald	1
	H5a Di King's House Kuala Lumpur	1
	H5b Untuk mencapai kerjasama politik antara kaum	1
	F6 Penubuhan Persidangan Kebangsaan pada April 1953	1
	H6a Dipengerusikan oleh Dato' Panglima Bukit Gantang	1
	F7 Tuanku Abdul Rahman menganjurkan Konvensyen Kebangsaan	1
	H7a Mengasaskan pembentukan Parti Perikatan	1
	(mana-mana 4 x 1 markah)	[4 m]

Soalan	Butiran	Markah
10	<p>(b) Kerjasama semua kaum memberikan kejayaan kepada Parti Perikatan. Buktikan pernyataan tersebut.</p> <p>F1 Kerjasama UMNO - MCA dibentuk semasa Pilihan raya H1a Majlis Perbandaran Kuala Lumpur pada Februari 1952. H1b Dijalankan oleh Dato' Abdul Razak Yahya / Ong Yoke Lin H1c Berjaya memenangi 9 daripada 12 kerusi yang dipertandingkan</p> <p>F2 Pilihan raya Majlis Perbandaran di beberapa bandar utama H2a UMNO – MCA memenangi 26 daripada 37 kerusi F3 Pilihan raya peringkat negeri pada tahun 1954 H3a Parti Perikatan memenangi 226 daripada 268 kerusi H3b Menunjukkan permuafakatan kaum dalam pelbagai parti H3c MIC menyertai Parti Perikatan pada tahun 1955</p> <p>F4 Penubuhan Jawatankuasa Pilihanraya dalam Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) H4a Dianggotai oleh pemimpin parti politik seperti Parti Negara/ UMNO/ MIC/ MCA/ pegawai tinggi British H4b Mencadangkan 52 kerusi dipilih melalui pilihan raya H4c 48 ahli Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) dilantik oleh Pesuruhjaya Tinggi British</p> <p>F5 Parti Perikatan menyertai Pilihan raya Majlis Perundangan Persekutuan pada Julai 1955 H5a Manifesto Parti Perikatan H5b Capai kemerdekaan dalam masa 4 tahun H5c Mewajibkan pendidikan H5d Menjadikan perkhidmatan awam bercorak tempatan H5e Menjaga hak asasi manusia H5f Melindungi hak Raja-raja Melayu sebagai Raja Berperlembagaan H5g Parti Perikatan menang 51 daripada 52 kerusi.</p> <p>F6 Kemenangan Parti Perikatan yang amat cemerlang H6a Tuanku Abdul Rahman dipilih menjadi Ketua Menteri dan membentuk Kabinet H6b Anggota Kabinet terdiri daripada pelbagai kaum (mana- mana 8 x 1 markah)</p>	

Soalan	Butiran		Markah
10	(c)	<p>Sebagai sebuah negara yang mempunyai masyarakat berbilang kaum, mengapakah kita perlu menghormati prinsip pakatan murni?</p> <p>Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Prinsip Pakatan Murni dapat mewujudkan kestabilan politik. - Hal ini kerana hubungan erat antara kaum dapat dipupuk. - Hubungan baik antara kaum Melayu/ Cina/ India dan lain-lain - Selain itu, hasil kerjasama pemimpin dalam pelbagai kaum - Dapat membawa kepada kemajuan ekonomi negara - Dalam sektor perindustrian, pertanian dan sebagainya - Kerajaan juga dapat melaksanakan dasar dan hala tuju masa depan negara - Demi kesejahteraan rakyat - Oleh itu, keharmonian dan keamanan negara dapat berkekalan. <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh :</p> <ul style="list-style-type: none"> - Prinsip Pakatan Murni dapat mewujudkan kestabilan politik. - Hal ini kerana hubungan erat antara kaum dapat dipupuk. - Hubungan baik antara kaum Melayu/ Cina/ India dan lain-lain - Selain itu, hasil kerjasama pemimpin dalam pelbagai kaum - Dapat membawa kepada kemajuan ekonomi negara - Demi kesejahteraan rakyat 	<p>[7-8m]</p> <p>[5-6m]</p>

Soalan	Butiran	Markah
11	(a) Mengapakah faktor politik mempengaruhi penggubalan dasar luar Malaysia? F1 Mengamalkan sistem Demokrasi Berparlimen H1a Berhak menentukan hala tuju F2 Prinsip keamanan sejagat H2a Memelihara kedaulatan negara lain C2a Contoh Palestin F3 Berpegang teguh prinsip dan Piagam PBB H3a Menyokong resolusi PBB <p style="text-align: right;">(mana-mana 4 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 [4 m]
	(b) Huraikan perkembangan dasar luar Malaysia semasa era kepimpinan Tun Abdul Razak dan Tun Hussein Onn. F1 Mengamalkan dasar berkecuali F2 Berbaik-baik dengan semua negara menjelang 1970-an H2a Disebabkan kurang peranan AMDA H2b Kurangnya pengaruh British di Timur F3 Pergolakan di Vietnam H3a Melibatkan Amerika Syarikat dan China F4 Mengisytiharkan Zon Aman, Bebas dan Berkecuali(ZOPFAN) H4a Bersama-sama anggota negara ASEAN F5 Menjalinkan hubungan diplomatik dengan negara berfahaman komunis C5a Seperti China, Jerman Timur, Korea Utara, Vietnam Utara dan Mongolia F6 Mengadakan hubungan diplomatik dengan Vietnam pada tahun 1976 H6a Bekerjasama dengan negara-negara jiran H6b Untuk mengatasi masalah pelarian Vietnam <p style="text-align: right;">(mana-mana 8 x 1m)</p>	1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 1 [8 m]
	(c) Dasar luar Malaysia telah banyak memberi manfaat kepada negara kita. Beri hujah anda. Aras 4 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens yang tepat Jawapan sangat mendalam / terperinci Komunikasi / pengolahan sangat menarik Menunjukkan kematangan Contoh : - Dasar luar Malaysia menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta menjamin keselamatan dan keamanan negara - Dapat menjana pendapatan yang lebih besar kepada negara/penduduk berasa aman	[7-8m]

Soalan	Butiran		Markah
11	(c)	<ul style="list-style-type: none"> - Menyebabkan Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia/rakyat hidup dengan aman tanpa peperangan - Komoditi utama seperti bijih timah dan getah dieksport ke luar negara/pembangunan negara akan terus maju - Menjalankan R & D dalam pelbagai bidang ekonomi - Menarik kemasukan pelabur asing ke negara kita - Sekaligus akan meningkatkan imej Malaysia di mata dunia - Malaysia akan dihormati dipersada dunia - Hal ini jelas membuktikan dasar luar Malaysia membawa banyak kebaikan kepada negara <p>Aras 3 Pengetahuan dan pemahaman sangat jelas Bukti / contoh sangat sesuai Membuat inferens Jawapan mendalam Komunikasi / pengolahan menarik Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dasar luar Malaysia menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta menjamin keselamatan dan keamanan negara - Dapat menjana pendapatan yang lebih besar kepada negara/penduduk berasa aman - Menyebabkan Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia/rakyat hidup dengan aman tanpa peperangan - Komoditi utama seperti bijih timah dan getah dieksport ke luar negara/pembangunan negara akan terus maju - Menarik kemasukan pelabur asing ke negara kita - Hal ini jelas membuktikan dasar luar Malaysia membawa banyak kebaikan kepada negara <p>Aras 2 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan kurang mendalam Menyatakan hujah dengan ringkas Contoh:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Dasar luar Malaysia menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta menjamin keselamatan dan keamanan negara - Dapat menjana pendapatan yang lebih besar kepada negara/penduduk berasa aman - Menyebabkan Malaysia dapat bersaing dengan negara-negara lain di dunia/rakyat hidup dengan aman tanpa peperangan - Menarik kemasukan pelabur asing ke negara kita 	<p>[5-6m]</p> <p>[3-4m]</p>

Soalan	Butiran		Markah
11	(c)	Aras 1 Pengetahuan dan pemahaman jelas Jawapan secara umum Contoh: <ul style="list-style-type: none">- Dasar luar Malaysia menggalakkan pembangunan dan kemajuan ekonomi serta menjamin keselamatan dan keamanan negara- Dapat menjana pendapatan yang lebih besar kepada negara/penduduk berasa aman	[1-2m]

PERATURAN PEMARKAHAN TAMAT